

HAK ASASI MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM¹

Oleh

Malaysia

Pendahuluan

Bagi memenuhi maksud tema persidangan, penulis membincangkan hak asasi manusia dari sudut pandangan Islam dan membandingkannya dengan sudut kaca mata barat. Penulis juga membincangkan isu ini dengan merujuk kepada Universal Declaration of Human Rights (UDHR) yang diluluskan oleh United Nations General Assembly (Bangsa-bangsa Bersatu) pada 10 Disember 1948. Penulis juga melakukan perbandingan dengan merujuk kepada The Cairo Declaration on Human Rights in Islam (Deklarasi Kaheerah Hak Asasi Manusia Islami) yang diterima pakai dan dikeluarkan oleh anggota-anggota Organisation of the Islamic Conference (OIC) di Persidangan Kesembilan Belas Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam di Kaheerah pada 5 Ogos 1990. Seterusnya penulis merujuk kepada ASEAN Human Rights Declaration (Deklarasi ASEAN) dan selepas itu penulis melihat peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengenai hak asasi manusia. Penulis juga membincangkan mengenai peranan dan kesan peruntukan-peruntukan itu kepada undang-undang negara dan kedudukan hak asasi manusia khususnya di Malaysia. Penulis juga memberi tumpuan kepada menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip hak asasi manusia disalahtafsir dan disalahgunakan untuk menekan khususnya negara-negara Islam dan lain-lain negara. Dalam menyediakan penulisan ini, penulis merujuk kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan terutama oleh Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara Malaysia dan penulis-penulis lain. Penulis juga merujuk kepada kes-kes mahkamah yang mempunyai rujukan kepada hak asasi manusia, dokumen-dokumen bertulis tentang hak asasi manusia dan pandangan penulis sendiri berhubung situasi pelaksanaan hak asasi manusia.

Hak Asasi Manusia Dalam Islam

Hak asasi manusia dalam Islam adalah berpaksikan firman Allah SWT yang bermaksud:

¹ Kertas tema persidangan yang dibentangkan di Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) ke-41 di Hotel Royale Chulan pada 3 hingga 5 November 2016.

“Sesungguhnya Kami telah memuliakan (martabat) anak Adam.”²

Berdasarkan ayat ini, Majid Khadduri telah menggariskan 5 prinsip utama hak asasi manusia yang terpenting dalam Islam iaitu 1) maruah diri dan persaudaraan; 2) hak persamaan tanpa mengira warna kulit, bangsa atau agama; 3) menghormati hak, reputasi dan keluarga setiap individu; 4) hak seseorang untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah; dan 5) hak kebebasan bagi setiap individu.³

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, hak asasi manusia ialah himpunan beberapa hak yang dimiliki oleh seseorang yang sangat berkait rapat dengan kewujudan semulajadinya yang diperakukan secara universal walaupun belum diiktiraf oleh mana-mana kuasa. Ia merangkumi hak asasi seperti hak untuk hidup, persamaan, kebebasan dalam segala bentuknya, hak politik dan sivil, hak bangsa-bangsa untuk menentukan nasib mereka, hak untuk merdeka, hak untuk mempunyai identiti bangsa, hak menyatakan pendapat, hak beragama, hak belajar dan mendapat pendidikan, hak ekonomi dan sosial, hak milik khusus, hak berkerja dan menjawat jawatan umum, hak mendapat rawatan kesihatan dan sosial, hak mendapat jaminan dan perlindungan negara, hak keibubapaan, hak kanak-kanak, hak remaja dan belia untuk mendapat asuhan, hak kekeluargaan, hak tempat tinggal dan lain-lain.⁴

Menurut Dr Wahbah, *al-karamah al-insaniah* atau prinsip menghormati martabat keinsanan dan maruah manusia adalah sumber kepada hak asasi. Apabila wujudnya penghargaan terhadap *al-karamah al-insaniah* itu, bermakna adanya tanda keinsanan manusia yang membezakannya dengan haiwan. Menurut beliau lagi, Islam sebagai agama yang bersumberkan bimbingan ilahi adalah agama yang mula-mula mengisytiharkan prinsip kebebasan dan hak asasi manusia, secara teori dan amali, sedangkan dunia baru menyedari hak-hak ini pada penghujung abad ke 18.⁵

Hak asasi manusia dalam Islam adalah berpunca daripada peranan manusia sebagai khalifah untuk memakmurkan muka bumi sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

² Surah al-Isra':70

³ M. Khadduri (1984), *The Islamic Concept of Justice*, hal. 236.

⁴ Di penghujung abad ke 18, muncul gerakan yang mendesak agar diperundangkan hak-hak asasi manusia oleh golongan ahli fikir dan falsafah seperti Jean Jauque Roussou, Montesqieu, Didro dari kalangan penggerak revolusi Perancis. Revolusi ini akhirnya telah menggubal suatu piagam hak-hak asasi manusia untuk rakyat Perancis dan telah diluluskan di parlimen mereka pada 26 Ogos 1789. Kandungannya telah dicantumkan dalam mukadimah perlembagaan Perancis yang pertama dan telah disahkan pada tahun 1791. Wahbah al Zuhayli (2005) *Haq al Hurriyyah fi al 'Alam*, Damsyiq: Dar al Fikr , hal. 35.

⁵ Ibid, hal. 36.

“Ingatlah (peristiwa bersejarah) ketika Tuhanmu bertitah kepada para Malaikat; bahawa Aku ingin menobatkan di dunia ini (para) Khalifah (para pelaksana amanahNya)”⁶

Islam memberikan penghormatan yang tinggi kepada manusia kerana Allah telah membekalkan kepadanya kudrat yang istimewa sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

”Sesungguhnya Kami telah memuliakan (martabat) anak Adam. Kami memudahkannya meneroka daratan dan lautan. Kami murahkan rezekinya dengan segala (nikmat anugerah) yang baik-baik; malah Kami berikan kepadanya kelebihan yang berganda berbanding makhluk-makhluk lain yang Kami cipta.”⁷

Bagaimanapun kemuliaan manusia adalah berkait rapat dengan komitmennya kepada akidah iaitu bergantung kepada darjat taqwa dan penerimaannya terhadap hidayah Rasul dan manhaj wahyu. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Kemudian Kami kembalikan semula (martabat manusia) ke darjat yang paling terke bawah. Kecuali orang-orang yang beriman, beramal saleh maka mereka akan mendapat habuan ganjaran yang tidak akan diungkit-ungkit lagi (oleh sesiapa pun).”⁸

Berbeza dengan Barat di mana mereka menganggap hak asasi manusia adalah hak semulajadi yang lahir dari kedaulatan mutlak manusia yang superior dan tidak ada kedaulatan lain yang mengatasinya, sedangkan penghormatan Islam kepada manusia bertitik tolak daripada ‘ubudiah dan ketaatan. Ini bermakna ada masa tertentu di mana manusia akan terjejas daripada mendapat penghormatan itu iaitu apabila mereka kufur dan menjauhi tuntutan ubudiah tersebut, atau apabila ia menjauhi kebenaran yang menjadi unsur terpenting untuk pengisian maksud kemanusiaannya. Perkara ini tidak diakui oleh pemikiran Barat yang beranggapan bahawa manusia tetap memiliki hak semulajadi tersebut walaupun ia menyimpang jauh seperti melakukan keganasan dan kejahatan. Barat juga sangat menghubungkan hak asasi manusia dengan kebebasan individu semata-mata yang menyebabkan lahirnya sistem liberal demokrasi yang berteraskan kontrak sosial di mana sistem ini menekankan keutamaan kepentingan individu mengatasi kepentingan ramai.

Bagi Barat, hak manusia adalah absolute dan mutlak, manakala bagi Islam, hak ini terikat dengan Maqasid al-Syari’ah dan tidak bercanggah dengan kepentingan jamaah yang dianggotai oleh seseorang insan berkenaan.

⁶ Surah al-Baqarah: 30

⁷ Surah al-Isra’ :70

⁸ Surah al-Tin :5-6

Konsep hak asasi manusia dari sudut kacamata Barat ini telah menghasilkan beberapa versi kefahaman yang sangat merbahaya kepada peradaban manusia secara umumnya. Apabila hak manusia itu lahir dari hak semulajadi, maka rujukan dalam penyelesaian pertikaian adalah kepada hukum semulajadi iaitu siapa kuat dia menang. Apabila hukum semulajadi itu menjadi landasan, maka kemusnahan kepada orang yang lemah menjadi suatu kepastian. Mereka tidak akan berdaya mendapatkan hak-hak mereka kerana mereka tidak punya kekuatan untuk menang. Justeru itu, bangsa yang memiliki kekuatan ketenteraan dan kebendaan yang unggul berupaya merampas hak-hak semulajadi tersebut daripada musuhnya. Ini mengesahkan hak kuasa Barat yang gagah dan kuat untuk merampas, menjajah dan merompak khazanah kekayaan bangsa lain demi kesenangan bangsa dan kekuasaan mereka sebagai pelaksanaan terhadap hak semulajadi mereka.

Sebaliknya Islam menganggap hak asasi manusia adalah anugerah dan penghormatan daripada Allah SWT kepada para hambanya. Hak-hak ini dihubungkan dengan hukum-hukum syarak, bukan kepada ketentuan hukum semulajadi atau kehendak individu dan bangsa-bangsa. Justeru, golongan yang lemah dan miskin berhak mendapat pembelaan dan hak mereka.

Untuk melanjutkan lagi perbincangan tentang hak asasi di sisi Islam dan Barat ini, penulis merujuk kepada Universal Declaration of Human Rights (UDHR) yang diluluskan oleh United Nations General Assembly (Bangsa-bangsa Bersatu) pada 10 Disember 1948.

Universal Declaration of Human Rights (UDHR), United Nation (Bangsa-Bangsa Bersatu)

UDHR lahir daripada pengalaman Perang Dunia Kedua dan boleh disifatkan sebagai pernyataan pertama hak asasi manusia secara global. UDHR diterima oleh United Nations General Assembly pada 10 Disember 1948 dengan 48 buah negara menyokong, termasuk Afghanistan, Iran, Pakistan dan Turki. Tetapi 8 buah negara yang terdiri daripada Blok USSR dan Saudi Arabia menentang. Yemen tidak hadir untuk mengundi. Pakistan tidak bersetuju dengan pendirian Saudi Arabia dan mengkritik pendirian Saudi Arabia.

Pada tahun 1982, wakil Iran di Bangsa-Bangsa Bersatu, Said Rajaie-Khorassani, mengatakan bahawa UDHR adalah satu kefahaman sekular tradisi Judeo-Kristian. (*a secular understanding of the Judeo-Christian tradition*) yang tidak boleh dilaksanakan oleh orang Islam tanpa melanggar undang-undang Islam.

Untuk melihat isi kandungannya, penulis menyenaraikan hak-hak asasi yang disebut dalam UDHR dengan seberapa ringkas.⁹

Perkara 3. Hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan diri.

Perkara 4. Hak bebas daripada perhambaan.

Perkara 5. Hak bebas daripada dikenakan seksaan atau layanan kejam atau tidak berperikemanusiaan.

Perkara 6. Hak diiktiraf sebagai seorang di sisi undang-undang.

Perkara 7. Hak persamaan di sisi undang-undang.

Perkara 8. Hak mendapat remedi terhadap pelanggaran hak asasi yang diberi kepadanya oleh perlembagaan dan undang-undang.

Perkara 9. Hak tidak boleh dikenakan tangkapan, penahanan atau buangan sewenang-wenangnya.

Perkara 10. Hak mendapat percikaraan yang adil dan terbuka oleh tribunal bebas dan saksama.

Perkara 11. Hak dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang di dalam percikaraan terbuka dan hak tidak boleh disabitkan atas suatu kesalahan kerana sebarang tindakan atau ketinggalan yang tidak merupakan suatu kesalahan jenayah

⁹ Untuk detail, sila layari Universal Declaration of Human Rights, http://www.ohchr.org/EN/UDHR/Documents/UDHR_Translations/eng.pdf.

pada masa ianya dilakukan atau dikenakan penalti lebih berat daripada yang terpakai ketika kesalahan itu dilakukan.

Perkara 12. Kebebasan daripada gangguan sewenang-wenangnya dalam hal-hal peribadi, keluarga, rumahtangga atau surat-menyuratnya, atau pencerobohan ke atas maruah dan nama baiknya.

Perkara 13. Kebebasan bergerak dan bermastautin di sesebuah negara.

Perkara 14. Kebebasan menikmati perlindungan dari penganiayaan di negara-negara lain.

Perkara 15. Hak kewarganegaraan dan ianya tidak boleh dilucut sewenang-wenangnya.

Perkara 16. Lelaki dan perempuan berhak berkahwin dan mempunyai keluarga. Mereka mempunyai hak yang sama rata berhubung dengan perkahwinan. Perkahwinan hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan mereka. Keluarga adalah unit kumpulan semulajadi dan asasi dalam masyarakat dan adalah berhak kepada perlindungan oleh masyarakat dan negara.

Perkara 17. Hak memiliki harta dan tiada sesiapa pun boleh dilucutkan hartabendanya sewenang-wenangnya.

Perkara 18. Kebebasan berfikir, conscience dan **beragama termasuk kebebasan menukar agama atau kepercayaannya, dan kebebasan menganuti agama atau kepercayaannya.**

Perkara 19. Hak kebebasan mengeluarkan buah fikiran.

Perkara 20: Hak kebebasan berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan.

Perkara 21. Hak untuk mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya; peluang samarata dalam perkhidmatan awam di negaranya; pilihanraya hendaklah diadakan.

Perkara 22. Hak kepada keselamatan sosial (*social security*).

Perkara 23. Hak kepada pekerjaan, hak kepada penggajian yang sama bagi kerja yang sama dan hak menubuh dan menjadi ahli kesatuan sekerja bagi memperlindungi kepentingan-kepentingannya.

Perkara 24. Hak mempunyai masa dan masa lapang, termasuk had masa kerja yang munasabah dan cuti bergaji yang berkala.

Perkara 25. Hak mendapat taraf hidup yang sesuai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan perubatan penjagaan dan perkhidmatan sosial yang perlu, dan berhak kepada perlindungan ketika semasa keuzuran dan lain-lain. Ibu dan anak berhak kepada jagaan serta bantuan khas. Semua kanak-kanak, samada dilahirkan di dalam maupun di luar nikah, hendaklah menikmati perlindungan sosial yang sama.

Deklarasi Kaherah

Deklarasi Kaherah adalah dokumen rujukan yang sangat bermanfaat mengenai hak asasi manusia menurut perspektif Islam. Hak-hak asasi manusia yang disebut dalam Al-Quran dan Hadis Rasulullah ada dinyatakan dalam Deklarasi ini. Deklarasi itu memberi gambaran menyeluruh perspektif Islam mengenai hak asasi manusia dan mengesahkan syariah sebagai sumbernya yang tunggal.

Deklarasi Kaherah ini telah diterimapakai dan dikeluarkan oleh anggota-anggota Organisation of the Islamic Conference (OIC) di Persidangan Kesembilan Belas Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam di Kaherah pada 5 Ogos 1990. Pada 30 Jun 2000, negara-negara Islam yang menjadi ahli OIC bersetuju menyokong Deklarasi Kaherah ini. Ia mengisytiharkan tujuan Deklarasi Kaherah sebagai garis panduan umum bagi anggota-anggota OIC dalam bidang hak asasi manusia. Deklarasi Kaherah ini juga dilihat sebagai respons negara-negara Islam kepada UDHR.

Deklarasi Kaherah melihat hak asasi manusia dari sudut prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Islam. Dalam mukadimahnyanya Deklarasi Kaherah, antara lain, menyatakan:

“Percaya bahawa hak-hak asasi dan kebebasan sejagat dalam Islam merupakan sebahagian daripada teras Islam dan bahawa tiada seorangpun secara prinsip berhak menghapuskannya secara keseluruhan dan sebahagiannya atau mencabuli atau mengabaikannya memandangkan ianya suatu perintah suci yang terkandung dalam Kitab-kitab wahyu Tuhan dan dihantar melalui Nabi terakhir-Nya untuk menyempurnakan mesej suci terdahulu sehingga menjadikan pematuhan terhadapnya suatu pengabdian dan pengabaian atau pencabulannya suatu dosa yang amat dibenci, dan kerana itu setiap orang bertanggungjawab secara individu dan ummah bertanggungjawab secara kolektif – untuk mempertahankannya.”¹⁰

Dari mukadimah ini, dapat dilihat perbezaan falsafah dan pendekatan Deklarasi Kaherah dengan UDHR. Deklarasi Kaherah melihat persoalan hak asasi manusia daripada sudut hubungan manusia dengan Allah SWT, manakala UDHR mengambil pendekatan keduniaan dan sekular. Ini kerana, mengikut Islam *sovereignty* adalah milik Allah SWT. Sebaliknya, mengikut fahaman demokrasi sekular moden Barat, *the people* adalah dianggap sebagai pemerintah agung (*supreme ruler*). Hak asasi dalam Islam adalah kurniaan Allah SWT seperti yang dibincangkan sebelum ini dan ia adalah suatu yang *sacred*, tidak boleh dipertikaikan, *universal* dan kekal. Sebaliknya, orang-orang Barat menganggap bahawa mereka telah memperolehi hak-hak mereka daripada pemerintah mereka setelah menempoh perjuangan yang panjang. Deklarasi Kaherah memberi gambaran menyeluruh perspektif Islam mengenai hak asasi manusia dan mengesahkan syariah sebagai sumbernya yang tunggal.

Untuk melihat isi kandungannya, penulis menyenaraikan hak-hak asasi yang disebut dalam Deklarasi Kaherah dengan seberapa ringkas:

Perkara 1. Semua manusia adalah satu keluarga dan ahli bersatu dan menyerah diri kepada Tuhan dan berketurunan Adam.

Perkara 2. Hidup adalah kurniaan Tuhan dan hak kehidupan dijamin untuk setiap manusia.

Perkara 3. Dalam hal penggunaan kuasa dan konflik bersenjata, tidak dibenarkan membunuh golongan tidak berperang seperti orang tua, wanita dan kanak-kanak.

¹⁰ Sila rujuk terjemahan Deklarasi berkenaan di <http://www.jawi.gov.my/cdhri.pdf>.

Perkara 4. Setiap insan berhak kepada ketidakbolehcabulan dan perlindungan nama baik serta kehormatan dirinya sepanjang kehidupannya. Negara dan masyarakat akan melindungi jasad dan tempat penyemadiannya.

Perkara 5. Keluarga asas masyarakat, dan perkahwinan teras pembentukannya. Lelaki dan wanita berhak untuk berkahwin, dan tiada sekatan berdasarkan bangsa, warna kulit atau kewarganegaraan sewajarnya menghalang mereka daripada menikmati hak ini.

Perkara 6. Perempuan setaraf dengan lelaki dari segi maruah manusia, dan mempunyai hak untuk dinikmati serta tanggungjawab untuk dilaksanakan; dia mempunyai entiti awam dan kebebasan kewangan tersendiri, serta hak untuk mengekalkan nama dan keturunannya.

Perkara 7. Bermula dari saat kelahiran, setiap kanak-kanak mempunyai hak daripada ibu bapa, masyarakat dan negara untuk diberikan penjagaan, pendidikan dan keperluan kebendaan, kebersihan dan bimbingan moral.

Perkara 8. Setiap manusia berhak menikmati keupayaan undang-undangnya dari segi kewajipan dan tanggungjawab, apabila keupayaan ini hilang atau terhalang, beliau akan diwakili oleh penjaganya.

Perkara 9. Menuntut ilmu suatu kewajipan dan peruntukan pendidikan pula menjadi kewajipan kepada masyarakat dan negara.

Perkara 10. Islam agama fitrah. Adalah dilarang melakukan sebarang bentuk paksaan ke atas seseorang atau mengeksploitasi kefakiran atau kejahilannya untuk menukarnya kepada agama lain atau tidak beragama.

Perkara 11. Manusia dilahirkan bebas, dan tiada sesiapa berhak memperhambakan, menghina, menindas mahu pun mengeksploitasi mereka.

Perkara 12. Setiap orang berhak, dalam kerangka syariah, bergerak secara bebas dan memilih tempat kediaman sama ada di dalam mahupun di luar negaranya, dan jika dianiaya berhak mendapatkan perlindungan politik di negara lain.

Perkara 13. Pekerjaan ialah suatu hak yang dijamin negara dan masyarakat bagi setiap orang yang mampu bekerja. Setiap orang bebas memilih pekerjaan yang paling sesuai bagi dirinya dan yang memenuhi kepentingan dirinya serta masyarakat.

Perkara 14. Setiap orang berhak mendapatkan keuntungan yang sah sah tanpa pemonopolian, penipuan atau kemudaratn terhadap diri sendiri dan orang lain. **Riba dilarang sepenuhnya.**

Perkara 15. Setiap orang berhak memiliki harta yang diperolehi secara sah, dan berhak menikmati hak pemilikan tanpa prejudis terhadap diri sendiri, orang lain atau masyarakat secara amnya.

Perkara 16. Setiap orang berhak menikmati hasil saintifik, kesusasteraan, kesenian atau penghasilan teknikalnya dan hak untuk melindungi kepentingan moral dan kebendaan yang terhasil daripadanya, dengan syarat penghasilan itu tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah.

Perkara 17. Setiap orang berhak untuk hidup dalam persekitaran bersih, jauh dari keingkaran dan kerosakan akhlak, yang boleh menggalakkan pembangunan dirinya dan adalah menjadi kewajipan negara dan masyarakat pada umumnya untuk menyediakan hak tersebut.

Perkara 18. Setiap orang berhak hidup dalam keadaan selamat bagi diri sendiri, agama, tanggungan, maruah dan hartanya.

Perkara 19. Semua orang setaraf di sisi undang-undang, tanpa perbezaan antara pemerintah dan yang diperintah.

Perkara 20. Adalah tidak dibenarkan tanpa alasan yang sah untuk menangkap seseorang individu, atau menyekat kebebasannya, membuang atau menghukumnya. Adalah tidak dibenarkan seseorang dikenakan penyeksaan fizikal atau psikologi atau sebarang bentuk penghinaan, kekejaman atau pencabulan maruah.

Perkara 21. Mengambil tebusan dalam apa jua bentuk atau untuk sebarang jua tujuan dilarang dengan tegas.

Perkara 22. Setiap orang berhak menyatakan pendapatnya dengan bebas dalam cara yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah.

Perkara 23. Kekuasaan suatu amanah dan penyalahgunaan atau pengeksploitasian salah daripadanya dilarang dengan tegas untuk menjamin hak asasi manusia.

Perkara 24. Semua hak dan kebebasan yang ditetapkan dalam Deklarasi ini tertakluk kepada syariah Islam.

Perkara 25. Syariah Islam ialah satu-satunya sumber rujukan untuk tafsiran dan penjelasan terhadap semua artikel yang termaktub dalam Deklarasi ini.

Deklarasi ASEAN

Pada bulan November 2012, negara-negara ASEAN yang bersidang di Phnom Penh sebulat suara menerima pakai Deklarasi ASEAN.¹¹ Deklarasi ASEAN ini lebih merupakan satu persefahaman negara-negara serantau dan lebih sesuai dengan situasi di rantau ini.

Untuk melihat isi kandungannya, di sini penulis senaraikan prinsip umum hak-hak asasi yang disebut dalam Deklarasi ASEAN dengan seberapa ringkas:

Perkara 1. Semua orang dilahirkan merdeka dan mempunyai martabat dan hak yang sama.

Perkara 2. Setiap orang berhak untuk mendapatkan hak dan kebebasan yang tercantum dalam Deklarasi ini, tanpa perbezaan apapun, seperti ras, jenis kelamin, umur, bahasa, agama, pandangan politik atau pandangan lainnya, kewarganegaraan atau latar belakang sosial, status ekonomi, kelahiran, disabilitas atau status lainnya.

Perkara 3. Setiap orang berhak mendapat pengakuan di mana pun sebagai peribadi di hadapan hukum. Setiap orang sama di hadapan hukum. Setiap orang berhak atas perlindungan hukum yang sama tanpa diskriminasi.

¹¹ Sila lihat laman web Pernyataan Phnom Penh Mengenai Pengesahan Deklarasi Hak Asasi Manusia Asean (AHRD), (aichr.org/?dl_name=AHRD_and_PP...pdf).

Perkara 4. Hak-hak perempuan, anak-anak, orang lanjut usia, penyandang disabilitas, pekerja migran, serta kelompok rentan dan terpinggirkan merupakan bagian dari hak asasi manusia dan kebebasan dasar yang melekat, menyatu dan tidak terpisahkan.

Perkara 5. Setiap orang mempunyai hak atas pemulihan yang efektif dan dapat ditegakkan, yang ditentukan oleh pengadilan atau pihak berwenang lainnya, atas perbuatan yang melanggar hak-hak yang diberikan kepada orang tersebut oleh konstitusi atau hukum.

Perkara 6. Pemenuhan hak asasi manusia dan kebebasan dasar harus diimbangi dengan pelaksanaan kewajiban mengingat setiap orang memiliki tanggung jawab terhadap individu lainnya, komuniti dan masyarakat tempat tinggalnya. Merupakan kewajiban utama negara anggota ASEAN untuk memajukan dan melindungi seluruh hak asasi manusia dan kebebasan dasar.

Perkara 7. Semua hak asasi manusia adalah universal, tidak terpisahkan, saling tergantung, dan saling terkait. Semua hak asasi manusia dan kebebasan dasar dalam Deklarasi ini harus diperlakukan secara adil dan setara, dalam kedudukan yang sama dan dengan penekanan yang sama.

Perkara 8. Hak asasi manusia dan kebebasan dasar setiap orang harus dilaksanakan dengan memperhatikan hak asasi manusia dan kebebasan dasar orang lain. Pelaksanaan hak asasi manusia dan kebebasan dasar tunduk hanya pada pembatasan yang ditetapkan oleh hukum dengan tujuan semata-mata untuk memberikan pengakuan terhadap hak asasi manusia dan kebebasan dasar orang lain, dan untuk memenuhi keperluan keamanan nasional, ketertiban umum, kesehatan masyarakat, keselamatan masyarakat, moralitas masyarakat, dan kesejahteraan umum rakyat dalam masyarakat demokratis.

Perkara 9. Dalam pemenuhan hak asasi manusia dan kebebasan yang terkandung dalam Deklarasi ini, prinsip-prinsip ketidakberpihakan, objektivitas, non selektivitas, nondiskriminasi, non-konfrontasi serta penghindaran standard ganda dan politisasi harus senantiasa ditegakkan.

Hak Asasi Manusia Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama negara Malaysia. Mana-mana undang-undang yang bercanggah dengannya adalah dikira tidak sah dan batal. Peruntukan UDHR yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan juga tidak menjadi sebahagian daripada undang-undang domestik. Antara lain, ini diperuntukkan dengan jelas oleh seksyen 4(4) Human Rights Commission of Malaysia Act 1999. Seseorang tidak boleh mengambil tindakan undang-undang atas alasan dia telah dinafikan hak asasi manusia seperti yang terdapat dalam UDHR, misalnya, kerana UDHR bukanlah undang-undang domestik negara Malaysia. Dia mesti tunjukkan bahawa penafian itu adalah menyalahi peruntukan undang-undang domestik dan/atau Perlembagaan. Mahkamah perlu memutuskan tuntutan itu berasaskan sama ada perbuatan yang diadukan itu melanggar peruntukan undang-undang dan/atau Perlembagaan atau tidak. Jika jawapannya “Ya” baharulah tuntutan itu boleh berjaya. Mahkamah mungkin mendapati bahawa perbuatan yang diadukan itu melanggar peruntukan UDHR, tetapi tidak melanggar peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kerana Perlembagaan Persekutuan meletakkan pengecualian atau syarat kepada hak tersebut. Sebagai misalan, seseorang itu adalah bebas mengamalkan agamanya tetapi orang bukan Islam dilarang mengembangkan agama mereka kepada orang-orang Islam. Mahkamah mestilah mematuhi peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan, bukan mengikuti peruntukan yang terdapat dalam UDHR. Dalam kata-kata lain, walaupun rujukan boleh dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam UDHR dalam mentafsirkan peruntukan undang-undang dan/atau Perlembagaan, tetapi ia sekali-kali tidak boleh mengatasi peruntukan Perlembagaan dan undang-undang negara ini.¹²

Bagaimanapun, di Malaysia Hakim-Hakim telah menggunakan UDHR sebagai bahan rujukan dalam mentafsirkan peruntukan Perlembagaan dan undang-undang dengan lebih dekat.

Antara kes yang awal yang merujuk kepada UDHR ialah kes **Merdeka University Berhad v Government of Malaysia**¹³. Dalam kes itu, di Mahkamah Tinggi, Mr. Michael Biloff, Queen’s Counsel, antara lain, menghujahkan bahawa penolakan petisyen plaintif adalah

¹² Tun Hamid Mohamad (2013), *Hak Asasi Manusia: Peranan dan Fungsi dari Perspektif Perlembagaan Malaysia*, hal. 7.

¹³ [1981] 2 MLJ 356.

melanggar peruntukan Perkara 26 UDHR. Hujah itu ditolak oleh Hakim Eusoffe Abdoolcader. Antara lain, katanya:

“It (UDHR) is merely a statement of principles devoid of any obligatory character and is not part of our municipal law”.

Di peringkat Mahkamah Persekutuan¹⁴, rayuan itu didengar oleh lima orang Hakim yang terdiri daripada Suffian KHN, Raja Azlan Shah HB(M), Salleh Abas HKP, Abdul Hamid Omar HMP dan George Seah HMP (kesemuanya pada masa itu). Tun Mohamed Suffian, pada masa itu Ketua Hakim Negara, yang menulis penghakiman majoriti yang dipersetujui oleh Raja Azlan Shah, Salleh Abas dan Abdul Hamid Omar (kesemuanya menjadi Ketua Hakim Negara kemudiannya), malah George Seah HMP pun yang menulis penghakiman menentang, tidak langsung menyebut UDHR. **Semuanya membuat keputusan mereka berdasarkan tafsiran Perlembagaan Persekutuan.** Mr. Michael Beloff, Queen’s Counsel yang menghujahkan rayuan itu di Mahkamah Persekutuan telah tidak lagi meneruskan hujahnya yang berlandaskan UDHR itu.

Pada tahun 1999, Parlimen telah meluluskan Human Rights Commission of Malaysia Act 1999. Seksyen 2, antara lain mentakrifkan *“human rights”* seperti berikut:

“human rights” refers to fundamental liberties as enshrined in Part II of the Federal Constitution;”

Seksyen 4 (4) mengatakan:

“(4) For the purpose of this Act, regard shall be had to the Universal Declaration of Human Rights 1948 to the extent that it is not inconsistent with the Federal Constitution.

Dalam tahun 2002, menulis penghakimannya di Mahkamah Persekutuan dalam kes **Mohamad Ezam bin Mohd Noor v Ketua Polis Negara (and 4 Other Appeals)**¹⁵, Siti Norma CJ(M) berkata:

“In my opinion the status and the weight to be given to the 1948 Declaration by our courts have not changed. It must be borne in mind that the 1948 Declaration is a resolution of the General Assembly of the United Nations and not a convention subject to the usual ratification

¹⁴ [1982] 2 MLJ 243

¹⁵ [2002] 4 AMR 4053

and accession requirements for treaties. By its very title it is an instrument which declares or sets out statement of principles of conduct with a view to promoting universal respect for and observance of human rights and fundamental freedoms. Since such principles are only declaratory in nature, they do not, I consider, have the force of law or binding on Member States. If the United Nations wanted those principles to be more than declaratory, they could have embodied them in a convention or a treaty to which Member States can ratify or accede to and those principles will then have the force of law.

The fact that regard shall be had to the 1948 Declaration as provided for under s 4(4) of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 makes no difference to my finding. This is so as my understanding of the pertinent words in the sub-section that “regard shall be had” can only mean an invitation to look at the 1948 Declaration if one is disposed to do so, consider the principles stated therein and be persuaded by them if need be. Beyond that one is not obliged or compelled to adhere to them. This is further emphasised by the qualifying provisions of the sub-section which states that regard to the 1948 Declaration is subject to the extent that it is not inconsistent with our Federal Constitution. In any event on the particular facts of the appeals before us, I do not see the need to have regard to the 1948 Declaration as our own laws backed by statutes and precedents as seen from the cases that I have spelt out in this judgment are sufficient for this court.”

Tetapi, di kebelakangan ini, terdapat beberapa orang Hakim yang nampaknya memberi tekanan yang lebih mengenai pentingnya UDHR itu. Dalam tahun 2007, dalam kes **Abd Malek bin Hussin v Borhan bin Hj Daud & 2 Ord**¹⁶, (MT) Hakim Dato’ Mohd Hishamudin Mohd Yunus, antara lain berkata:

“The preservation of the personal liberty of the individual is a sacred universal value of all civilised nations and is enshrined in the Universal Declaration of Human Rights and Fundamental Freedoms of 1948.”

Dalam tahun 2010, Pesuruhjaya Kehakiman Lee Swee Seng, antara lain, berkata dalam kes **Suzana binti Md Aris (Claiming as Administrator of the Estate and a dependant of Mohd Anuar bin Sharip, deceased) v DSP Ishak b Hussain & 3 Ors**¹⁷:

“The fundamental liberties in Part II of the Federal Constitution are the human rights referred to in the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999. In carrying out the purpose of the Act, the Commission shall have regard to the Universal Declaration of Human Rights 1948 (UDHR) to the extent that it is not inconsistent with the Federal Constitution. See s 4(4) of the Act. Article 3 of the UDHR states that everyone has the right to life, liberty and security of person. Article 5 of the UDHR further states that no one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment. The UDHR is part and parcel of our jurisprudence as the international norms in the UDHR are binding on all member countries unless they are inconsistent with the member countries’ constitutions.....”

¹⁶ [2007] 6 AMR 583

¹⁷ [2010] 6 AMR 276

Dalam tahun 2011, Hakim Mohd Hishamuddin, yang pada masa itu telah pun menjadi Hakim Mahkamah Rayuan, berkata dalam kes **Muhammad Hilman bin Idham & 3 Ors v Kerajaan Malaysia & 2 Ors (CA)**¹⁸:

“Freedom of expression is one of the most fundamental rights that individuals enjoy. It is fundamental to the existence of democracy and the respect of human dignity. This basic right is recognised in numerous human rights documents such as Article 19 of the Universal Declaration of Human Rights and Article 19 of the International Covenant on Civil and Political Rights. Free speech is accorded pre-eminent status in the constitutions of many countries.”

Perbincangan mengenai UDHR telah mengambil tempat yang lebih utama dalam kes **Indira Gandhi a/p Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & 5 Ors**¹⁹, sekali lagi penghakiman Pesuruhjaya Kehakiman Lee Swee Seng. Antara lain katanya:

“To begin with the Universal Declaration of Human Rights 1948 (“UDHR”) is already part of the corpus of our law. The importance of the fundamental liberties provision of the Federal Constitution is underscored by the fact that s 2 of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 in defining “human rights” said it refers to fundamental liberties as enshrined in Part II of the Federal Constitution.....

The fundamental liberties in Part II of the Federal Constitution are the human rights referred to in the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999. In carrying out the purpose of the Act, the commission shall have regard to the UDHR to the extent that it is not inconsistent with the Federal Constitution. See s 4(4) of the Act. It would not be incorrect to say that we have given the principles of the UDHR a statutory status and a primal place in our legal landscape. The UDHR is part and parcel of our jurisprudence as the international norms in the UDHR are binding on all member countries unless they are inconsistent with the member countries’ constitutions. Indeed there is the persuasive argument that the principles enunciated in the UDHR have attained the status of international customary law.”

Sedikit kelegaan apabila membaca penghakiman Hakim Mohamad Ariff dalam kes **SIS Forum (Malaysia) v Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar (Menteri Dalam Negeri)**²⁰ di mana beliau, antara lain, berkata:

*“.....in relation to the applicability of international norms..... the position adopted by the Malaysian courts has been not to directly accept norms of international law unless they are incorporated as part of our municipal law: See **Merdeka University Berhad v Government of Malaysia** [1981] 2 MLJ 356, for example. I do not believe this position has changed even with the passing of s 4(4) of the Human Rights Commission Act 1999.....”*

¹⁸ [2011] 6 AMR 481

¹⁹ [2013] 4 AMR 848

²⁰ [2010] 2 MLJ 377

Menggunakan prinsip-prinsip UDHR dalam mentafsirkan peruntukan Perlembagaan, di mana sesuai dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan dan undang-undang negara, juga tidak salah. Tetapi, dalam kehairahan untuk menerima pakai “norma-norma antarabangsa”, ada Hakim-Hakim yang meletakkan peruntukan-peruntukan UDHR lebih utama daripada peruntukan Perlembagaan itu sendiri.²¹

Misalnya, soal perkahwinan dan pesaka. Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kewujudan perbezaan undang-undang yang terpakai kepada orang-orang Islam dan bukan Islam. Maka, dalam memutuskan isu diskriminasi atau persamaan (*discrimination or equality*), misalnya, jika seseorang Hakim itu hanya memakai prinsip-prinsip yang terdapat dalam UDHR tanpa mengambil kira bahawa seorang itu beragama Islam atau bukan, tanpa memakai undang-undang yang terpakai kepadanya (iaitu hukum syarak bagi orang Islam), semestinya keputusan itu bercanggah dengan hukum syarak.²²

Perbandingan Antara Ketiga-tiga Deklarasi Hak Asasi Manusia

Kebanyakan peruntukan dalam UDHR itu terdapat dalam Deklarasi Kaheerah, Deklarasi ASEAN dan Perlembagaan Persekutuan. Tetapi, jika ada peruntukan mengenai perkara yang sama pun, peruntukannya bukanlah semestinya betul-betul sama. Ada pula perkara yang terdapat dalam satu atau beberapa dokumen itu, tetapi tidak terdapat dalam yang lainnya, dan sebaliknya. Misalnya, UDHR mempunyai peruntukan mengenai hak mendapat keselamatan sosial dan waktu rehat dan masa lapang termasuk cuti bergaji. Deklarasi Kaheerah dan Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut hak itu secara spesifik. Tetapi di Malaysia, ia diperuntukkan dalam undang-undang. Di Malaysia ada skim pencen, KWSP, SOCSO dan lain-lain. Dari segi cuti, tidak ada negara dalam dunia ini yang mempunyai lebih banyak cuti awam daripada Malaysia, termasuklah pada hari perayaan setiap agama yang ada di Malaysia.²³

UDHR tidak menyebut berkenaan penjajahan. Tetapi Deklarasi Kaheerah dengan tegas memperuntukkan:

²¹ Tun Hamid Mohamad (2013), *Hak Asasi Manusia: Peranan dan Fungsi dari Perspektif Perlembagaan Malaysia*, hal. 9.

²² Ibid.

²³ Ibid.

“Semua jenis penjajahan yang merupakan salah satu bentuk perhambaan yang paling durjana dilarang sama sekali...”– Perkara 11(b).

Ini adalah pengaruh sejarah. Negara-negara Barat yang mempelopori UDHR adalah negara-negara yang terlibat dalam penjajahan yang berleluasa di beberapa abad di kebelakangan ini. Malah, hingga ke hari ini pun ia masih berlaku, walaupun dalam bentuk dan atas alasan yang berlainan.

Perkara 14 Deklarasi Kaherah adalah menarik. Ia, antara lain, memperuntukkan:

“Riba dilarang sepenuhnya”

Tidak ada peruntukan seperti itu dalam UDHR, Deklarasi ASEAN, mahupun Perlembagaan Persekutuan. Sebabnya boleh difahami. Asas perbankan dan kewangan Barat adalah riba. Namun demikian, pada hari ini, Malaysia berada di hadapan sekali dalam pembangunan kewangan Islam walaupun kewangan konvensional masih juga diamalkan.

Deklarasi ASEAN mengesahkan semua hak sivil dan politik yang tersebut dalam UDHR (Perkara 10). Ada pula perkara yang ia pergi lebih jauh daripada UDHR seperti memperuntukkan hak untuk mendapat air minuman yang selamat dan bersih (Perkara 28). Ini mungkin berbangkit daripada wujudnya negara-negara ASEAN yang berkongsi sungai seperti Sungai Mekong dan Singapura yang bergantung kepada Malaysia untuk mendapat air minuman.

Rumusan berikut bolehlah dibuat mengenai dokumen-dokumen hak asasi berkenaan:

- UDHR melihat hak asasi manusia dari sudut pandangan Barat, selepas Perang Dunia Kedua, semasa kuasa-kuasa Barat menjadi penjajah di seluruh dunia. Penyertaan negara-negara Asia dan Afrika amat terbatas kerana kebanyakannya sama ada masih dijajah dan tidak berpeluang mengambil bahagian atau terlalu lemah untuk memberi apa-apa impak.
- Deklarasi Kaherah melihat hak asasi manusia dari sudut pandangan negara-negara Islam yang sedang mencari identiti sendiri dan cuba berdiri di atas kaki sendiri.

□ Deklarasi ASEAN melihat hak asasi manusia mengikut kesesuaian di negara-negara ASEAN.

□ Perlembagaan Persekutuan melihat hak asasi manusia dari sudut sebuah negara yang baru terlepas daripada belenggu penjajahan yang membawa kebanjiran pendatang bersama-sama bahasa, budaya dan agama mereka, yang terpaksa pula berkongsi kuasa dengan pendatang itu, selepas Merdeka.

Sebab itu Perlembagaan Persekutuan mempunyai beberapa peruntukan untuk menyelamatkan keadaan seperti Perkara 153, kedudukan agama Islam dan bahasa Melayu dan pemakaian syariah dalam undang-undang keluarga bagi orang-orang Islam. (Peruntukan Perkara 153 kerap kali disebut sebagai “hak keistimewaan orang Melayu” pada hal tajuk sebenarnya ialah “perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit, dsb bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak.” Peruntukan yang serupa pun terdapat dalam Perlembagaan India – Perkara 16). Di samping itu hampir semua hak-hak asasi utama yang disebut dalam UDHR terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan, walaupun dengan pengecualian-pengecualian dan pengubahsuaian yang perlu.

Perkara 1 dan 2 UDHR ada menyebut mengenai kesamarataan dan tak diskriminasi, walhal Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan *Khuṭbatul-Wadā’* yang di Lembah Uranah, Arafat pada 9 March 632 iaitu 1316 tahun sebelum UDHR digubal di mana Rasulullah s.a.w antara lain, berkata:

“Tuhan kamu adalah Esa, datuk kamu pula adalah satu, kamu semua berasal daripada Adam dan Adam telah dijadikan daripada tanah. Orang yang paling baik di kalangan kamu ialah mereka yang paling bertaqwa kepada Allah. Tidak ada kelebihan bangsa Arab terhadap bangsa lain kecuali dengan taqwa.”

Peruntukan Perkara 5 UDHR ada menyebut mengenai hak untuk bebas daripada dikenakan seksaan (torture) atau layanan kejam atau tidak berperikemanusiaan atau *The Geneva Convention relative to the Protection of Civilian Persons in Time of War* (GCIV) yang diterima pakai dalam tahun 1949 mengenai perlindungan orang awam semasa peperangan, sedangkan sejak 1,400 tahun yang lalu Hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim yang antara lain melarang pencacatan (mutilation) dan pembunuhan kanak-kanak dan

hadis riwayat Abu Dawud dan Ibn Majah yang antara lain melarang pembunuhan wanita dan hamba abdi semasa peperangan.

Juga, pesanan Abu Bakar As-Sidiq, Khalifah Islam yang pertama kepada askar-askarnya, di mana, antara lain, katanya:

“.....Janganlah mencacatkan tubuh badan askar-askar musuh atau yang sudah mati. Janganlah membunuh kanak-kanak atau mereka yang di bawah umur. Janganlah membunuh orang tua lelaki ataupun perempuan. Janganlah mencabut pokok kurma (atau pokok apa juga) dan juga janganlah membakarnya. Janganlah merosakkan pokok buah-buahan. Janganlah menyembelih kambing biri-biri betina, lembu atau unta betina melainkan untuk keperluan makanan kamu.....”

Peruntukan Perkara 6 UDHR mengisytiharkan bahawa setiap orang adalah diiktirafkan sebagai seorang (*a person*) di sisi undang-undang dan Perkara 17 mengenai hak memiliki harta. Sedangkan Islam sejak 1400 tahun yang lalu telah mengiktiraf bahawa seorang perempuan, sama ada berkahwin atau tidak, mempunyai *identity* tersendiri dan boleh memiliki harta sendiri. Di England hanya dalam tahun 1882 barulah perempuan berkahwin boleh memiliki harta atas nama mereka sendiri setelah Parlimen England meluluskan The Married Women's Property Act 1882 (45 & 46 Vict. c.75). Sehingga ke hari ini orang perempuan di negara-negara Barat hilang nama asal mereka dan memakai nama suami mereka apabila berkahwin.

Walaupun Deklarasi UDHR tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang di sesebuah negara, ia telah diterima pakai dan mempengaruhi kebanyakan perlembagaan negara, termasuklah Malaysia. Ia juga telah menjadi asas kepada undang-undang negara, undang-undang antarabangsa, konvensyen dan triti. Deklarasi itu juga telah diterima pakai bagi tujuan mentakrifkan perkataan seperti “fundamental freedoms” dan “*human rights*” dalam United Nations Charter yang mengikat negara-negara yang menjadi anggota Bangsa-Bangsa Bersatu. Pakar-pakar undang-undang antarabangsa menganggapnya sebagai sebahagian daripada undang-undang antarabangsa. Atas sebab itu, Deklarasi itu adalah satu dokumen asas Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia telah menjadi satu alat yang kuat untuk memberi tekanan diplomatik dan moral kepada kerajaan-kerajaan yang melanggar mana-mana peruntukannya. United Nations International Conference on Human Rights 1968 menasihatkan bahawa ia “merangkumi satu

obligasi anggota-anggota komuniti antarabangsa” kepada semua orang.” (*It "constitutes an obligation for the members of the international community" to all persons.*)

Deklarasi Kaheerah juga tidak mengikat Malaysia dan negara-negara Islam lain. Memandangkan OIC tidaklah sebesar dan sekuat Bangsa-Bangsa Bersatu dan memandangkan bahawa kebanyakan negara-negara Islam sendiripun masih berada dalam pergolakan dan ketidaktentuan, menyebabkan pematuhan hak asasi manusia di negara masing-masing pun tidak memuaskan. Penulis tidak fikir Deklarasi Kaheerah mempunyai kesan tekanan yang sama kuat dengan UDHR. Biar apa pun, **ia adalah berguna untuk menjadi dokumen rujukan mengenai hak asasi manusia mengikut perspektif Islam.**

Isu-Isu Hak Asasi Manusia Yang Dibangkitkan Mengenai Islam

Dokumen hak asasi manusia UDHR itu digunakan oleh aktivis hak asasi manusia dan golongan liberal untuk mengkritik Islam. Pertama, mereka mengatakan tiada kebebasan beragama dalam Islam, kerana, kata mereka, orang Islam tidak dibenarkan menukar agama. Di samping itu, orang Islam tidak dibenarkan berkahwin dengan orang bukan Islam jika orang bukan Islam itu tidak memeluk Islam. Sedangkan larangan berkahwin dengan wanita bukan Islam adalah satu ketetapan Hukum Syarak yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan dan terpakai kepada orang Islam.

Barat memperjuangkan perkahwinan sejenis. Adalah sesuatu yang amat menghairankan bagaimana mereka boleh membenarkan perlakuan yang tidak bermoral dan luar tabii ini. Mereka cuba melibatkan agama Islam dan orang Islam dalam perkara ini. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang keluarga bagi orang Islam adalah Hukum Syarak. Hukum Syarak tidak membenarkan perkahwinan sejenis.

Mereka memburukkan Islam kerana kononnya tidak berlaku adil kepada golongan wanita kerana lelaki dibenarkan berpoligami, kuasa cerai di tangan suami dan kerana pusaka tidak diberikan sama rata, tetapi mereka tidak mempertikaikan pula siapa yang berkewajipan memberi nafkah isteri dan anak.

Pada hari ini, hak asasi manusia tidak lagi dianggap sebagai kefahaman individualisme dan liberalism, malah dianggap sebagai **kemanusiaan sejagat** (humanistics). Ia disifatkan sebagai

penanda aras utama dalam pencapaian prestasi kemanusiaan seluruh masyarakat dan negara di dunia.²⁴ Ini menyebabkan **hal-hal keagamaan ditanggap dari perspektif hak asasi manusia dan hak kebebasan beragama, dan langsung jauh sekali daripada prinsip kepatuhan dan penyerahan kepada kekuasaan Allah SWT.** Ini adalah “grand design” musuh-musuh Islam yang mempunyai matlamat yang akhirnya menyebabkan kedaulatan Islam semakin terhakis rentetan daripada serapan ideologi barat dan tuntutan hak asasi manusia ini.

Kesimpulan

Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh umat Islam zaman ini ialah cabaran di dalam berhadapan dengan isu-isu hak asasi manusia. Ini kerana hal-hal keagamaan ditanggap dari perspektif hak asasi manusia dan hak kebebasan beragama, dan langsung jauh sekali daripada prinsip kepatuhan dan penyerahan kepada kekuasaan Allah SWT. Islam sememangnya menyanjungi hak asasi manusia. Tetapi di dunia ini tidak ada kebebasan mutlak dan tidak ada hak tanpa tanggungjawab. Hak dan tanggungjawab manusia hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT dan keperluan masyarakat dan negara.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

26 September 2016

²⁴ Dato Mahamad Nasir bin Disa, “Kedaulatan Majlis Agama Islam Negeri Sebagai Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri Di Bawah Naungan Raja-raja Melayu.” Kertas kerja yang dibentangkan di Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia pada 26 September 2011 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

RUJUKAN

Majid Khadduri (1984), *The Islamic Concept of Justice*.

Mahamad Nasir bin Disa (Dato'), "Kedaulatan Majlis Agama Islam Negeri Sebagai Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri Di Bawah Naungan Raja-raja Melayu." Kertas kerja yang dibentangkan di Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia pada 26 September 2011 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Wahbah al Zuhayli (2005) *Haq al Hurriyyah fi al 'Alam*, Damsyiq: Dar al Fikr.

Universal Declaration of Human Rights,

http://www.ohchr.org/EN/UDHR/Documents/UDHR_Translations/eng.pdf.

Deklarasi Kaherah Hak Asasi Manusia Islam, di <http://www.jawi.gov.my/cdhri.pdf>.

Pernyataan Phnom Penh Mengenai Pengesahan Deklarasi Hak Asasi Manusia Asean (AHRD) (aichr.org/?dl_name=AHRD_and_PP...pdf).

Tun Hamid Mohamad (2013), *Hak Asasi Manusia: Peranan dan Fungsi Dari Perspektif Perlembagaan Malaysia*.

SENARAI KES

[1981] 2 MLJ 356

[1982] 2 MLJ 243

[2002] 4 AMR 4053

[2007] 6 AMR 583

[2010] 6 AMR 276

[2011] 6 AMR 481

[2013] 4 AMR 848

[2010] 2 MLJ 377